

**Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) sebagai dokumen sejarah dan kedudukan  
perundangannya dalam konteks masa kini**

**ABSTRACT**

Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) tidak hanya dihargai sebagai satu dokumen sejarah. Malahan kepentingannya terletak pada nilai perundangannya dalam hubungannya dengan penubuhan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963. Ini kerana MA63 mengandungi peruntukan perundangan berkenaan hak istimewa dan jaminan perlombagaan yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak berhubung dengan penyertaan kedua-dua negeri tersebut dalam Persekutuan. Namun tampaknya wujud kekeliruan terhadap aplikasi perundangannya dalam konteks masa kini. Ini merujuk kenyataan politik 'untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak berteraskan MA63'. Makalah ini membincangkan MA63 sebagai dokumen sejarah dan perundangannya dalam konteks masa kini. Perbincangan ini didasarkan kepada analisis ke atas isi kandungan dokumen MA63 berserta dengan fakta ilmiahnya. Hasil dapatan perbincangan makalah bertujuan membuktikan kefahaman terhadap MA63 telah diaplikasikan secara anakronistik akibat daripada kompleksiti dalam menghubungkaitkan dokumen dan peristiwa sejarah kepada konteks masa kini.